

DOKUMEN INI ADALAH HAKMILIK KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Bil. (54) dlm. MB. Sel. (R) 11/3 Jld. 12.

Bil. (5) dlm. MMK. Sel. (R) 3 1001/3

KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN
NEGERI

DARIPADA
PEJABAT YAB. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

CADANGAN UNTUK MEMPERTIMBANGKAN SEMULA PELANTIKAN
AHLI-AHLI PERBADANAN YANG DILANTIK DI BAWAH SEKSYEN
4(1) (d) ENAKMEN PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR
1964

1. TUJUAN

1.1. Tujuan Kertas ini dibentangkan adalah bagi mendapatkan pertimbangan dan kelulusan Ahli Majlis Mesyuarat (EXCO) Kerajaan Negeri terhadap cadangan untuk mempertimbangkan semula pelantikan Ahli-Ahli Perbadanan di bawah seksyen 4 (1) (d). Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor 1964 (No. 4 Tahun 1964).

2. LATAR BELAKANG

2.1. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil. 5/2013 bertarikh 6 Februari 2013 telah meluluskan pelantikan 3 orang Ahli Perbadanan di atas di bawah Seksyen 4 (1) (d) berkuat kuasa selama 2 tahun dari tarikh lantikan seperti berikut:-

Bil.	Nama	Tarikh Lantikan	Tarikh Tamat Tempoh
1.	YB. Puan Teresa Kok Suh Sim Ahli Parlimen Seputeh	11 Februari 2013	10 Februari 2015
2.	YB. Tuan Iskandar b. Abdul Samad ADUN Kawasan Chempaka	11 Februari 2013	10 Februari 2015
3.	YB. Tuan Mohamed Azmin b. Ali ADUN Kawasan Bukit Antarabangsa	11 Februari 2013	10 Februari 2015

2.2. Berdasarkan kepada Seksyen 4(1) Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor 1964 (No. 4 Tahun 1964), Perbadanan hendaklah terdiri daripada:-

- (a) seorang Pengerusi, iaitu seseorang yang pada masa tersebut memegang jawatan Menteri Besar, Selangor;
- (b) seorang Timbalan Pengerusi iaitu orang-orang yang pada masa tersebut memegang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri;
- (c) dua orang Ahli ex-officio, iaitu orang-orang yang pada masa tersebut memegang jawatan Pegawai Kewangan Negeri dan Jurutera Negeri, Selangor;
- (d) tidak lebih daripada lima orang ahli-ahli lain yang dilantik oleh Raja dalam Mesyuarat dari kalangan orang-orang yang pada pandangan beliau berkelayakan oleh sebab mempunyai pengalaman yang luas dan telah membuktikan keupayaannya dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan bank, pembuatan, perumahan, perdagangan, kewangan, profesional atau pentadbiran

atau dengan cara lain sesuai untuk pelantikan itu berdasarkan kepada pengalaman dan pengetahuan khas mereka;

- (e) tiga orang wakil daripada Kerajaan Pusat yang dilantik oleh Menteri.

- 2.3. Seksyen 4 (2) Enakmen tersebut juga menyebut 'Ahli Perbadanan yang dilantik di bawah Seksyen 4(1) (d) hendaklah melainkan beliau meletakkan jawatan terlebih dahulu atau pelantikannya telah ditarik balik memegang jawatan untuk tempoh tidak melebihi dua tahun dan adalah layak untuk pelantikan semula; dengan syarat jika ahli itu meletakkan jawatan atau pelantikannya ditarik balik lebih awal seorang lain boleh dilantik untuk menggantikannya untuk baki tempoh bagi ahli yang telah digantikan itu'
- 2.4. Seksyen 4(3) pula menyebut "Ahli Perbadanan boleh dilantik semula setelah tamat tempoh penggal jawatannya".
- 2.5. Dato' Menteri Besar Selangor, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor telah menerima sepucuk surat No. Rujukan PKNS/SUK/U/2.2/97 Jld. 10 bertarikh 15 Mei 2013 daripada Pengurus Besar PKNS yang memohon pengesahan dan kelulusan daripada YAB. Dato' Menteri Besar Selangor berhubung dengan perkhidmatan Ahli-Ahli Perbadanan PKNS. Selain itu Pengurus Besar PKNS juga ada memberi cadangan untuk menguatkuasakan pelantikan ahli-ahli baru bagi menggantikan Ahli-Ahli perbadanan yang bersesuaian dengan kemahiran dan kepakaran ahli yang akan dilantik kelak.
- 2.6. Memandangkan di bawah Seksyen 4(1) (d) Enakmen PKNS, hanya Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) sahaja diberi kuasa melantik, maka perkara ini perlu diangkat kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) untuk pertimbangan.

3. ULASAN PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI SELANGOR

- 3.1. Kamar Penasihat Undang-Undang melalui surat bil. PU.SELAM 315/10/2013 (SRM) bertarikh 18 Oktober 2013 telah menyatakan bahawa pelantikan Ahli-Ahli Profesional yang dibuat sebelum PRU13 bagi tempoh 2 tahun yang berkuat kuasa mulai 11 Februari 2013 masih lagi berkuat kuasa walaupun selepas keputusan PRU13 dibuat.
- 3.2. Cadangan di bawah Seksyen 4(1) (d) Enakmen PKNS, hanya Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor sahaja di berikuasa melantik, maka perkara ini perlu diangkat kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk pertimbangan.

4. ULASAN PEJABAT MENTERI BESAR SELANGOR

- 4.1. Pejabat Menteri Besar Selangor, berpandangan YB. Tuan Iskandar bin Abd. Samat, ADUN Chempaka merupakan Exco Kerajaan Negeri Selangor dan sesuai dikekalkan jawatan beliau sebagai Ahli PKNS.
- 4.2. YB. Puan Teresa Kok Suh Sim telah berpindah ke Kuala Lumpur sebagai Ahli Parlimen Seputih dan sesuai untuk dikaji semula kedudukan beliau.
- 4.3. YB. Tuan Mohamed Azmin bin Ali, ADUN Kawasan Bukit Antarabangsa telah mengembalikan kemudahan-kemudahan yang diterima maka sesuai untuk dikaji semula kedudukan beliau.

5. SYOR

5.1. A) Dikekalkan jawatan ketiga-tiga Ahli-Ahli Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor sehingga tarikh tamat tempoh (10 Februari 2015)

- i) YB. Tuan Iskandar bin Abdul Samad;
- ii) YB. Puan Teresa Kok Suh Sim
- iii) YB. Tuan Mohamed Azmin bin Ali

Atau

B) Digantikan dengan calon lain yang bersesuaian dengan kemahiran dan kepakaran masing-masing.

6. PENUTUP

6.1. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bersidang pada hari ini dipohon untuk memperakukan syor di para 5.1.

Disediakan Oleh:



.....
(MOHAMAD YASID BIN BIDIN,
Ketua Setiausaha Sulit Kepada
YAB. Dato' Menteri Besar Selangor

Tarikh : /2 November 2013



Diperakukan oleh:

.....
(TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM)
Dato' Menteri Besar Selangor

Tarikh : November 2013




قريدانن كماجون نكري سلاغور

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR
(Selangor State Development Corporation)

TINGKAT 9, MENARA HPAIC, LAMANSERI BUSINESS PARK, NO. 7, PERSIARAN SUKAN
SEKSYEN 13, 40100 SHAH ALAM, SELANGOR, MALAYSIA.
TEL: 03-55201269 FAX: 03-55103167 Email: othman@pkns.gov.my

SELANGORSHINES



MS ISO 9001:2008 REG. NO. AR 1784

PEJ. PENGURUS BESAR
(General Manager's Office)

"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"

Surat Kami · PKNS/SUK/U/2.2/97 Rd. H.

Tarikh · 15 Mei 2013

YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim
Dato' Menteri Besar Selangor
Pejabat Dato' Menteri Besar Selangor
Tingkat 21, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam

TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

YAB Tan Sri Dato' Seri.

PENGESAHAN PELANTIKAN AHLI-AHLI PROFESIONAL DI DALAM
AHLI-AHLI PERBADANAN

Dengar segala hormat dan penuh takziannya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sepertimana yang YAB Tan Sri Dato' Seri sedia maklura berdasarkan kepada Seksyen 4(1) Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor 1964 (No. 4 Tahun 1964), Perbadanan hendaklah terdiri daripada:

- (a) seorang Pengerusi, iaitu seseorang yang pada masa tersebut memegang jawatan Menteri Besar, Selangor;
- (b) seorang Timbalan Pengerusi iaitu orang-orang yang pada masa tersebut memegang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri;
- (c) dua orang Ahli ex-officio, iaitu orang-orang yang pada masa tersebut memegang jawatan Pegawai Kewangan Negeri dan Menteri Negeri Selangor

m.s. 13



- (d) tidak lebih daripada lima orang ahli-ahli lain yang dilantik oleh Raja dalam Mesyuarat dari kalangan orang-orang yang pada pandangan beliau berkelayakan oleh sebab mempunyai pengalaman yang luas dan telah membuktikan keupayaannya dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan bank, pembuatan, perumahan, perdagangan, kewangan, profesional atau pentadbiran atau dengan cara lain sesuai untuk pelantikan itu berdasarkan kepada pengalaman dan pengetahuan khas mereka;
- (e) tiga orang wakil daripada Kerajaan Pusat yang dilantik oleh Menteri.

3. Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah meluluskan pelantikan 4 orang Ahli Perbadanan di bawah Seksyen 4(1) (d) seperti berikut:


BIL	NAMA	TARIKH LANTIKAN	TARIKH TAMAT TEMPOH
1.	YB Puan Teresa Kok Suh Sim	11 Februari 2011	10 Februari 2015
2.	YB Tuan Iskandar bin Abdul Samad	11 Februari 2011	10 Februari 2015
3.	YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali	11 Februari 2011	10 Februari 2015
4.	Y.Bhg. Dato' Mohd. Salleh bin Mahmud	27 Jun 2012	26 Jun 2014

4. Sehubungan dengan itu, bagi memudahkan urusan pemanggilan Mesyuarat Ahli-Ahli Perbadanan yang akan datang yang mana telah ditetapkan dahulu pada 28 Mei 2013, maka pengesahan dan kelulusan daripada YAB Tan Sri Dato' Seri adalah dipohon sama ada terus menyambung khidmat ahli-ahli tersebut sebagai Ahli-Ahli Perbadanan ataupun menguatkuasakan pelantikan ahli-ahli baru bagi menganggotai Ahli-Ahli Perbadanan bersesuaian dengan kemahiran dan kepakaran ahli yang akan dilantik kelak. Sekiranya terdapat ahli yang akan digantikan, PKNS memohon saranan dan pandangan daripada YAB Tan Sri Dato' Seri berhubung dengan calon yang bersesuaian bagi keanggotaan tersebut

Sekian. Terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang benar,



(OTHMAN BIN HAJI OMAR)

Pengurus Besar

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR

KEPUTUSAN:

BIL	NAMA	STATUS	NAMA PENGGANTI
1.	YB Puan Teresa Kok Suh Sim	Kekal/Ganti	
2	YB Tuan Iskandar bin Abdul Samad	Kekal/Ganti	
3.	YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali	Kekal/Ganti	
4.	Y.Bhg. Dato' Mohd. Salleh bin Mahmud	Kekal/Ganti	

(TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM)

Dato' Menteri Besar

Tarikh: